

## Persepsi dan Faktor Pendorong Aplikasi Terapi Seni dalam Kalangan Kaunselor Pelatih (Perception and Factors Influencing Art Therapy Applications among Counselor Trainees)

JEFFERY APDAL\*, DHARATUN NISSA FUAD MOHD KARIM, & SALLEH AMAT

### ABSTRAK

Salah satu matlamat utama dalam latihan untuk menjadi seorang kaunselor adalah penguasaan kemahiran kaunseling. Kajian kes ini bertujuan meneroka persepsi tiga kaunselor pelatih menggunakan terapi seni lukisan dalam sesi kaunseling. Ketiga-tiga peserta kajian merupakan guru pelatih yang berpengalaman menggunakan terapi seni dalam sesi kaunseling dan telah pun menjalani praktikum di sekolah. Proses pengumpulan data melibatkan temubual semi berstruktur yang dilakukan sehingga mencapai ketepuan data. Data dianalisis menggunakan kaedah tematik secara manual yang dimulakan dengan pengkodan terbuka, pengkodan kategori dan tema. Hasil kajian mendapati penggunaan terapi seni dalam sesi kaunseling boleh melancarkan proses kaunseling dan memberikan maklumbalas yang positif kepada klien dan juga kaunselor. Aplikasi terapi ini juga didorong oleh faktor personaliti klien yang pasif sewaktu menjalani sesi kaunseling. Kesimpulannya, penggunaan terapi seni telah dapat membantu meningkatkan keberkesanan dalam sesi kaunseling. Implikasinya, terapi seni ialah salah satu teknik kaunseling yang bukan konvensional boleh diamalkan oleh kaunselor-kaunselor demi menyahut cabaran masa hadapan yang memerlukan mereka mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran-kemahiran baru dalam mengendalikan sesi kaunseling. Oleh kerana kajian ini hanya melibatkan kaunselor pelatih, penyelidikan masa hadapan mungkin boleh mempertimbangkan untuk melakukan kajian lanjutan melibatkan kaunselor profesional dalam konteks yang lebih luas.

Kata kunci : Kajian kes, Kaunselor Pelatih, Terapi Seni Lukisan, Sesi Kaunseling

### ABSTRACT

One of the main goals in training to become a counselor is mastering the skills of counseling. This case study aimed to explore the perceptions of three trainee counselors using art therapy in counseling sessions. All three participants were trainee teachers who were experienced in using art therapy in their counselling sessions and had already undergo teaching practicum in school. The process of collecting data involves semi-structured interviews conducted to the point of data saturation. The data were analyzed using a thematic method that began with open coding, category coding, and themes. The results show that the use of art therapy in counseling sessions can enhance the counseling process and provide positive feedback to clients and counselors. This therapy application is also driven by the passive client personality factor during counseling sessions. In conclusion, the use of art therapy has helped to improve the effectiveness of counseling sessions. The findings impicates that art therapy is one of the non-conventional counseling techniques that counselors can use to respond to future challenges that require them to prepare with new knowledge and skills in conducting counseling sessions. As this study only involves the trainee counselor, future researchers may consider conducting further studies on professional counselors in a broader context.

Keywords : Case study, Trainee Counselor, Art Therapy, Counseling Session

### PENGENALAN

Kerjaya sebagai seorang kaunselor di sekolah semakin mencabar mutakhir ini. Seiring dengan kepesatan teknologi maklumat dalam era globalisasi, isu dan permasalahan yang dibawa oleh pelajar-pelajar juga semakin rumit dan kritikal. Berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), kadar jenayah

melibatkan pelajar sekolah pada tahun 2017 merekodkan seramai 1772 pelajar telah ditahan melibatkan pelbagai kes dan kesalahan, manakala pada tahun berikutnya, bilangan pelajar yang ditahan seramai 1268 orang (Issahak 2019). Data ini jika diteliti walaupun masih sedikit berbanding bilangan sebenar pelajar yang ada di Malaysia, namun ia perlu dibendung dengan sebaiknya kerana khawatir jika ia tidak ditangani dengan baik, statistik tersebut akan

meningkat kerana ia melibatkan kanak-kanak yang dikatakan akan menjadi aset terbesar negara pada masa hadapan.

Justeru itu adalah perlu seorang kaunselor memperkasakan kemahiran, teknik dan ilmu kaunseling agar ia mampu kompeten apabila berhadapan dengan klien yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan isu. Falender dan Shafrankse (2007) mengatakan kunci utama bagi kompetensi seorang kaunselor pelatih adalah prestasi yang efektif dalam kemahiran kaunseling. Kajian oleh Mad (2017) terhadap kompetensi guru bimbingan dan kaunseling yang melibatkan 205 orang guru bimbingan kaunseling (GBK) di negeri Sabah mendapati GBK mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dalam tiga komponen yang diukur oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu, kompetensi penghantaran, pengurusan dan pentadbiran serta pengurusan program. Ini bermakna, kaunselor terlatih sedia ada tidak mempunyai sebarang isu berhubung dengan kompetensi mereka dalam melakukan hubungan membantu di sekolah serta aspek pengurusan unit bimbingan dan kaunseling.

Namun demikian, perkara yang sebaliknya berlaku kepada kaunselor yang sedang dalam latihan. Kaunselor pelatih adalah merujuk kepada kaunselor yang masih dalam tempoh latihan yang perlu memenuhi kriteria-kriteria tertentu bagi melayakkan mereka menjadi kaunselor berdaftar. Dalam tempoh latihan ini, mereka masih dalam proses belajar dan belum cukup kompeten dalam mengendalikan sesi. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Nur Azlinda dan Salleh (2017) terhadap kaunselor pelatih yang terdiri daripada pelajar Sarjana Bimbingan dan Kaunseling dan sedang melakukan praktikum di sekolah mendapati mereka tidak mempunyai keyakinan untuk mengaplikasikan teori dalam sesi kaunseling. Kaunselor pelatih mengatakan mereka tidak pasti sama ada teori yang digunakan sesuai atau tidak bagi setiap isu yang dibawa oleh klien. Selain itu, kaunselor pelatih juga mempunyai tahap kerisauan ketika berhadapan dengan klien yang pasif. Kurangnya kemahiran dan pengetahuan mengenai terapi-terapi dalam kaunseling menyebabkan mereka terlalu bergantung terhadap teknik konvensional iaitu teknik duduk dan bercakap.

Wan Robiah dan Hamidah (2018) pula melaporkan dalam kajian mereka mengenai kesantunan bahasa dalam kalangan kaunselor pelatih mendapati semua kaunselor pelatih yang terlibat dalam kajian tersebut tidak mempunyai masalah dalam aspek komunikasi. Ia kerana kaunselor pelatih yang terlibat mempunyai dan menggunakan kesantunan bahasa semasa melakukan sesi kaunseling. Menurut mereka, penggunaan bahasa dalam sesi kaunseling merupakan aspek yang sangat penting kerana ia memainkan peranan dalam mewujudkan suasana selesa dan terapeutik terhadap klien serta menjadi faktor kepada kelancaran proses

kaunseling yang dilakukan. Walaubagaimanapun, masalah akan timbul sekiranya kaunselor pelatih tidak dapat menggunakan sepenuhnya bahasa ketika menjalankan sesi. Klien yang pasif menyukarkan kaunselor pelatih untuk meneruskan sesi yang memerlukan berlakunya proses komunikasi secara terus terutamanya jika kaedah konvensional digunakan. Justeru itu seorang kaunselor perlu sentiasa memperkasakan kemahiran dan teknik kaunseling yang ada pada dirinya agar terus kompeten dalam bidangnya. Sebagai alternatif, kaunselor-kaunselor boleh menggunakan terapi seni bagi menggalakkan klien berkongsi isu semasa menjalankan sesi kaunseling. Sorotan kajian lepas mengenai terapi seni lebih berfokus kepada keberkesanan terapi seni itu sendiri dan juga menggunakan kaunselor profesional (terlatih) sebagai peserta kajian. Dalam kajian ini, pengkaji meneroka pengalaman kaunselor pelatih menggunakan terapi seni lukisan dalam sesi kaunseling bagi menjawab persolan yang berikut:

1. Apakah persepsi kaunselor pelatih terhadap kelebihan penggunaan terapi seni lukisan dalam sesi kaunseling?
2. Apakah faktor pendorong kaunselor pelatih menggunakan terapi seni lukisan dalam sesi kaunseling?
3. Apakah persepsi kaunselor pelatih terhadap kesan penggunaan terapi seni dalam membantu klien?

#### TERAPI SENI SEBAGAI PENDEKATAN DALAM SESI KAUNSELING

Terapi seni merupakan bentuk psikoterapi yang digunakan untuk menggalakkan klien meluahkan perasaan dan konflik dalam diri mereka melalui medium seni. *American Art Therapy Association* (2018), mendefinisikan terapi seni sebagai satu bentuk perkhidmatan kesihatan mental yang menggunakan seni dan kreatif dengan teori psikologi untuk membantu meningkatkan fungsi kognitif dan sensorimotor, memupuk harga dan kesedaran diri, memupuk daya tahan emosi, menggalakkan pertumbuhan, meningkatkan kemahiran sosial, mengurangkan dan menyelesaikan konflik serta mencetus perubahan sosiologi dan ekologi. Rubin (1999) mengatakan terapi seni adalah satu medium dalam kaunseling tanpa lisan. Ia merupakan proses yang dinamik kerana proses rawatan dan pemulihan dapat dilakukan semasa klien menghasilkan karya seni kreatif. Kreatif bukan sahaja melibatkan kebolehan klien dalam menghasilkan sesuatu karya yang unik tetapi juga merangkumi aspek spontan, berani mencuba serta originality dalam meluahkan permasalahan diri melalui ekspresi seni.

Kajian oleh Wilson & Ziomek-Daigle (2013) terhadap kaunselor pelatih dalam menggunakan pendekatan ekspresif terapi seni mendapati kaunselor pelatih yang diminta untuk menggunakan ekspresif terapi seni dalam sesi kaunseling menzahirkan rasa kebimbangan dan tidak merasa yakin pada peringkat permulaan sesi. Mereka merasa bimbang dan tidak yakin kerana kurang berpengalaman menggunakan ekspresif terapi seni kepada pelajar sekolah menengah. Namun, setelah melakukannya dalam sesi kaunseling, perasaan bimbang dan takut tersebut berubah menjadi gembira dan teruja kerana ekspresif terapi seni sesuai dan boleh digunakan kepada pelajar sekolah menengah, dan ia merupakan satu alat yang telah membantu melancarkan proses kaunseling dalam sesi yang mereka jalankan. Ini menunjukkan bahawa kaunselor penggunaan ekspresif terapi seni merupakan pendekatan yang sesuai untuk diaplikasikan dalam kalangan kaunselor pelatih.

Di sekolah, kanak-kanak adalah klien utama bagi seorang kaunselor. Seorang kaunselor harus memahami perkembangan psikologikal dan biologikal kanak-kanak. Ku Johari (2014) mengatakan kanak-kanak mempunyai limitasi dalam memahami isu permasalahan dan meluahkan perasaan secara lisan. Justeru itu, pendekatan terapi dalam sesi kaunseling bersama kanak-kanak adalah teknik yang paling sesuai untuk mereka. Dalam konteks amalan kaunseling di Malaysia, penggunaan terapi seni lukisan dalam sesi kaunseling sebagai alat bantu semakin diterima kerana keberkesanan yang ditunjukkan dalam membantu klien.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Siti Noorasmah (2016) mendapati, terapi seni lukisan merupakan kaedah yang sesuai digunakan kepada remaja mangsa penderaan seksual bagi meneroka dan merawat tekanan, kesejahteraan diri, menyalahkan diri dan kesunyian. Hasil kajian juga mendapati terapi seni lukisan merupakan medium untuk meluahkan perasaan yang tependam dan mampu membentuk komunikasi lebih berkesan.

Voller (2018) pula melaporkan dalam kajiannya mengenai penggunaan terapi seni sebagai alat penilaian mendapati terapi seni sebagai satu alat yang sangat fleksibel dan sangat mudah digunakan dalam membantu klien meluahkan emosi mereka. Walaupun terdapat perbezaan persepsi daripada responden yang terlibat mengenai terapi seni, tetapi ia tetap dianggap sebagai satu alat yang sangat membantu dalam sesi kaunseling. Demikian juga kajian yang telah dilakukan oleh Kaimal et al. (2016), mendapati terapi seni telah memberikan kelegaan, keseronokan dan dapat membantu membentuk aspek baru dalam kehidupan pesakit yang mengalami tahap kortisol yang tinggi. Agnese et al. (2012) pula melaporkan bahawa teknik ekspresif terapi seni adalah satu pendekatan yang sangat efektif dalam membantu para pesakit (*stem cell*

*transplant*) yang mengalami rasa rendah diri dan terasing untuk meluahkan perasaan mereka. Melalui penggunaan ekspresif terapi seni mereka merasa lebih selesa, tenang dan yakin walaupun mereka berada dalam keadaan sakit.

Kajian dalam Malaysia terhadap terapi seni seperti yang dilakukan oleh Zarina dan Dharatun Nissa (2019) mengenai aplikasi terapi seni dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling sekolah rendah mendapati terapi seni merupakan satu metod kreatif yang sangat membantu dalam meningkatkan keberkesanan sesi kaunseling sama ada dalam kaunseling individu mahupun kaunseling kelompok. Mereka melaporkan terapi seni sebagai satu alat yang sangat membantu kepada guru bimbingan dan kaunseling dalam mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh klien dan seterusnya membantu mereka mengenalpasti apakah bentuk rawatan yang sesuai diberikan kepada klien. Hidayah (2014) pula melaporkan dalam kajiannya mengenai pengaruh terapi seni terhadap konsep sendiri diri anak mendapati terapi seni telah dapat membantu meningkatkan konsep sendiri anak dan mencadangkan agar para ibubapa diberikan pendedahan mengenai terapi seni agar para ibu bapa dapat mengaplikasikannya di rumah terhadap anak-anak.

Demikian juga kajian yang dilakukan oleh Rafidah & Noriah (2014) terhadap pelajar pintar dan berbakat. Kita sedia maklum golongan pelajar pintar dan berbakat mempunyai kebolehan dan kemahiran yang sangat tinggi berbanding rakan lain yang seusia mereka, dan untuk mengendalikan permasalahan yang mereka alami sangat rumit. Hasil kajian Rafidah dan Noriah mendapati penggunaan terapi seni dalam kaunseling terhadap pelajar pintar dan berbakat telah membantu dan memudahkan tugas kaunselor dalam mengendalikan permasalahan yang dihadapi oleh golongan ini. Pelajar yang terlibat lebih memahami masalah yang mereka alami serta mengetahui bentuk emosi yang mereka hadapi.

Sh Marzety Adibah et al. (2015) juga mendapati penggunaan ekspresif terapi seni terhadap klien yang mempunyai masalah kemarahan, tekanan, kemurungan dan kebimbangan akibat pengambilan dadah mendapati terdapat perbezaan yang sangat signifikan di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan telah diberikan terapi seni sebagai aktiviti dalam sesi kaunseling, manakala kumpulan kawalan yang menggunakan teknik konvensional iaitu sesi berkongsi perasaan bersama kaunselor. Hasilnya, kumpulan rawatan yang telah menggunakan terapi seni sebagai alat dalam sesi telah menunjukkan perubahan positif berbanding sebelum rawatan. Sebaliknya bagi kumpulan kawalan yang tidak diberikan apa-apa tidak menunjukkan sebarang perubahan. Kesimpulannya, di dapati penggunaan terapi seni lukisan telah memberikan impak dan kesan positif bukan sahaja

terhadap klien dan kaunselor, malah perjalanan sesi kaunseling juga menjadi lebih efektif.

## METODOLOGI

### REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kes yang bertujuan meneroka aspek pengalaman peserta kajian. Creswell (1994) mengatakan pendekatan kajian kes dilihat sesuai dalam kajian ini kerana ia melibatkan isu yang diteliti dalam satu konteks, iaitu pengalaman. Dalam kajian ini, konteks yang dikaji ialah kaunselor dalam latihan yang menggunakan terapi seni sewaktu menjalankan sesi kaunseling bersama dengan klien sekolah rendah.

### PESERTA KAJIAN

Dalam kajian ini, tiga orang kaunselor pelatih telah terlibat sebagai peserta kajian. Pemilihan ketiga-tiga peserta kajian adalah berdasarkan kepada kriteria yang berikut: i) kaunselor pelatih yang sedang melanjutkan pengajian dalam bidang bimbingan dan kaunseling, ii) mempunyai pengalaman menggunakan sekurang-kurangnya dua kali terapi seni lukisan dalam sesi kaunseling, dan iii) telah melepasi fasa praktikum di sekolah.

Pada peringkat awal kajian, penyelidik telah menghubungi 10 orang kaunselor pelatih di salah sebuah IPG di negeri Sabah untuk mengenal pasti kaunselor pelatih yang memenuhi kriteria yang telah penyelidik tetapkan. Hasil daripada temu bual tersebut, tiga orang kaunselor pelatih didapati memenuhi kriteria yang telah penyelidik tetapkan. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar Sarjana Muda yang sedang melanjutkan pengajian dalam bidang Pendidikan bimbingan dan kaunseling di salah sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG) di negeri Sabah. Kesemua peserta kajian berstatus kaunselor pelatih kerana sedang dalam tempoh pengajian. Mereka perlu menamatkan sesi pembelajaran selama empat tahun, serta melengkapkan dua fasa praktikum dan satu intership di sekolah sebelum mereka layak digelar kaunselor terlatih. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada dua orang perempuan dan seorang lelaki yang masing-masing berumur 22 tahun. Ketiga-tiga peserta kajian telah mempelajari terapi seni lukisan dalam kuliah melalui mata pelajaran teori personaliti yang di dalamnya terdapat sub topik berkaitan terapi dalam kaunseling. Selain itu mereka juga telah mengikuti kursus berkaitan terapi seni selama satu minggu yang dikendalikan oleh seorang pensyarah daripada salah sebuah IPG di Perlis. Seterusnya kemahiran tersebut digunakan sewaktu mengendalikan sesi bersama dengan klien sepanjang tempoh praktikum fasa 1 dan 2 di sekolah rendah.

## KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Temu bual separa berstruktur telah digunakan sebagai kaedah pengumpulan data kajian ini. Dalam kajian kes, temu bual separa berstruktur memberikan panduan yang jelas yang membolehkan penyelidik membina pemahaman yang mendalam mengenai kes dan mengembangkan soalan secara relevan dan bermakna untuk mengenalpasti maklumat tambahan untuk menyokong dan memahami unit analisis yang dikaji (Merriam 2002).

Sebelum proses temu bual dijalankan, penyelidik telah menyediakan set protokol temu bual yang telah dibincangkan bersama dan dipersetujui oleh penyelia pembimbing. Protokol temu bual tersebut mengandungi soalan-soalan berdasarkan objektif dalam kajian ini dan ia sebagai garis panduan kepada penyelidik dalam menemu bual peserta kajian. Sesi temu bual dimulakan dengan menyatakan tujuan penyelidik menemu bual mereka serta menerangkan persetujuan termaklum serta memohon kebenaran untuk sesi tersebut dirakam secara suara, dan semua maklumat yang dirakam adalah untuk tujuan kajian semata-mata. Temubual diteruskan dengan memfokuskan kepada pengalaman dan persepsi peserta kajian tentang aplikasi terapi seni. Sesi temu bual tersebut telah dirakam secara audio menggunakan aplikasi perakam suara melalui telefon pintar, dalam masa yang sama penyelidik juga membuat catatan ringkas dalam nota lapangan sewaktu temu bual dijalankan.

Sewaktu temubual pertama dijalankan, ketiga-tiga kaunselor pelatih berada dalam semester satu tahun tiga pengajian, manakala temu bual kedua dilakukan sewaktu mereka berada dalam semester kedua. Kedua-dua sesi temu bual telah dilakukan di tempat peserta kajian belajar iaitu di IPG memandangkan mereka terikat dengan waktu kuliah, dan ia memudahkan penyelidik untuk melihat sendiri suasana persekitaran tempat pembelajaran mereka.

## KAEDAH ANALISIS DATA

Data kajian, iaitu data temu bual telah dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik menyediakan pendekatan yang sangat fleksibel yang dapat diubahsuai untuk keperluan kajian kes, dengan menyediakan data yang kaya dan terperinci, namun kompleks.

Dalam kajian ini, proses analisis dijalankan secara manual bermula dengan menulis semula rakaman temubual dalam bentuk verbatim. Verbatim yang telah lengkap dibaca semula secara berulang-ulang untuk memudahkan penyelidik mendapat gambaran menyeluruh tentang pengalaman penggunaan terapi seni dalam sesi kaunseling oleh kaunselor pelatih. Langkah seterusnya melibatkan proses pengkodan.

Pengkodan ini dilakukan secara berperingkat. Peringkat pertama melibatkan pengkodan terbuka. Penyelidik telah mengkodkan semua perkataan dan ayat yang memberi makna sepanjang tempoh temubual. Pengkodan ini boleh menggunakan perkataan baru dari penyelidik dan boleh juga menggunakan perkataan yang digunakan oleh peserta kajian. Setelah selesai saringan pertama melalui pengkodan terbuka, penyelidik seterusnya melakukan pengkodan kategori. Pengkodan kategori melibatkan analisis kod terbuka yang sama dikategorikan dibawah nama kategori yang sama. Bagi mendapatkan tema, setiap kategori yang sama dikumpulkan menjadi satu tema. Hasilnya, penyelidik telah mengeluarkan tiga tema dari analisis tematik secara berperingkat ini.

Seterusnya, pengkaji juga telah menggunakan *peer review* iaitu dengan melakukan semakan pakar. Dalam hal ini, pengkaji telah membuat rujukan, semakan dan perbincangan bersama penyelia pengkaji yang juga merupakan seorang yang pakar dalam bidang kajian berbentuk kualitatif. Ia selaras dengan Merriam (2002) yang mencadangkan penyelidik perlu membuat semakan pakar. Selain daripada itu, hubungan yang sedia ada antara pengkaji dan peserta kajian juga merupakan satu kelebihan kepada pengkaji kerana pengkaji telah mengenali semua peserta kajian tersebut dan mengetahui latar belakang mereka khususnya pengalaman mereka dalam menggunakan terapi seni lukisan dalam sesi kaunseling. Teknik ini dikenali juga sebagai *prolonged engagement*.


ISU KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Bagi memastikan kajian yang dilakukan ini memenuhi kriteria sebuah kajian ilmiah, dan boleh diterima dalam aspek kesahan dan kebolehpercayaan dalam penyelidikan kualitatif, pengkaji telah menggunakan teknik *peer review*, *member checking* serta *prolonged engagement*. Menurut Morrow (2005), isu kesahan dan kebolehpercayaan merupakan isu utama dalam kajian berbentuk kualitatif. Justeru itu, pengkaji telah menggunakan *member checking* untuk membuat semakan persepsi bersama peserta kajian untuk memastikan apa yang pengkaji faham adalah sama dengan apa yang dimaksudkan oleh peserta kajian. Teknik ini adalah sangat penting untuk mengelakkan dari wujudnya isu bias dalam kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan tiga tema utama telah muncul daripada data bagi menjawab persoalan kajian berkenaan persepsi kelebihan pendekatan terapi seni, faktor pendorong menggunakan terapi seni, dan kesan penggunaan terapi seni dalam membantu klien.

Berdasarkan Rajah 1, dapatan menunjukkan: i) kaunselor pelatih melihat terapi seni sebagai alat yang memudahkan perjalanan sesi, ii) penggunaan terapi seni adalah bergantung kepada personaliti klien, dan iii) aplikasi terapi seni memberikan maklumbalas yang positif dalam sesi kaunseling.



RAJAH 1. Ringkasan tema dan sub tema dapatan

PERSEPSI KAUNSELOR PELATIH TERHADAP KELEBIHAN PENGGUNAAN TERAPI SENI LUKISAN DALAM SESI KAUNSELING

Persepsi kaunselor pelatih dalam kajian ini merujuk kepada pandangan, perasaan ataupun sebarang tanggapan kaunselor pelatih sama ada sebelum atau selepas menggunakan terapi seni lukisan dalam sesi kaunseling.

Berdasarkan data, didapati kaunselor pelatih beranggapan penggunaan lukisan adalah sebagai alat yang memudahkan perjalanan sesi kaunseling. Melalui lukisan juga, kaunselor pelatih mampu mengatasi masalah klien yang sukar untuk bercakap disamping dapat menarik minat yang lebih tinggi untuk klien menghadiri sesi. Berikut merupakan beberapa ungkapan kaunselor-kaunselor pelatih daripada data kajian:

*“kalau daripada sesi yang saya lalui sendiri memang sangat membantu sebab terapi seni ni macam tools lah...tools yang macam..aaa..dia pemangkin untuk murid tu lebih bercakaplah...”*

[PK1/T1/B84-85]

*“aha...dan untuk lancarkan lagi..tingkatkan lagi keberkesanan sesi...”*

[PK2/T1/B79]

*“...tapi mungkin dia malu sama kaunselor bah, atau dia malu buat aktiviti sendirikan, jadi saya bagilah dia melukis...”*

[PK3/T2/B102]

*“... dia suka lukisan, dia suka bermain, waktu saya buat temu janji dengan dia...saya cakap esok kamu jumpa cikgu, memang dia akan hadir sekolah...”*

[PK3/T2/B81-82]

Dapatan ini juga berpadanan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Siti Noorasmah (2016) terhadap remaja penderaan seksual yang berpendapat bahawa terapi seni adalah satu alat yang sangat membantu responden untuk merasa lebih selesa, selamat dan mudah untuk mengekspresikan perasaan mereka. Wilson dan Diagle (2013) juga bersetuju bahawa penggunaan ekspresif terapi seni telah memberi celik akal kepada klien dan memberi peluang kepada klien untuk berkembang menjadi lebih positif. Dari aspek keberkesanan sesi kaunseling, penggunaan terapi seni lukisan telah dapat membantu meningkatkan pelaksanaan sesi kaunseling yang lebih positif. Ia selari dengan kajian oleh Linda et al. (2018) mengatakan kanak-kanak mempunyai limitasi dalam memahami isu permasalahan dan meluahkan perasaan secara lisan. Justeru itu, pendekatan terapi dalam sesi kaunseling bersama kanak-kanak adalah teknik yang sesuai untuk mereka.

#### FAKTOR PENDORONG KAUNSELOR PELATIH MENGUNAKAN TERAPI SENI LUKISAN DALAM SESI KAUNSELING

Melihat kepada faktor pendorong penggunaan terapi seni dalam sesi kaunseling, kaunselor-kaunselor pelatih menyatakan bahawa personaliti klien merupakan faktor utama terapi seni diaplikasikan sewaktu sesi. Personaliti klien adalah merujuk kepada ciri-ciri, sikap atau tingkah laku yang ditunjukkan oleh klien yang datang berjumpa kaunselor pelatih.

Kaunselor-kaunselor pelatih menyatakan bahawa klien kerap kali menunjukkan sikap pasif, kurang bercakap, malu dan kekurangan kosa kata. Klien perempuan pula berasa malu untuk berkongsi terutamanya apabila berdepan dengan kaunselor lelaki, atas sebab jantina yang berlainan. Oleh sebab itu, terapi seni digunakan bagi memudahkan komunikasi antara kaunselor-kaunselor pelatih dengan klien-klien

mereka. Berikut merupakan beberapa ungkapan kaunselor-kaunselor pelatih daripada data kajian:

*“aaa...malu mau bercakap itu satu, lepas tu kurang vocabulary dia...”*

[PK1/T1/B59]

*“...first, segan nak bercakap, yang kedua dorang punya kosa kata masih terhad...”*

[PK2/T1/B20-21]

*“...kalau ini pula, dia mahu difahami. Dia lukis sedetailsnya, dia mahu cikgu ni fahami dia, kenali dia, apa dia minat...”*

[PK3/T2/B97-98]

*“... lepas tu untuk budak perempuanlah, mereka malu sikit nak cerita ngan cikgu lelaki, jadi bagi saya untuk mulakan tu, saya mulakan dengan lukisanlah...”*

[PK1/T2/B175-176]

Didapati faktor personaliti klien yang pasif menjadi faktor pengaplikasian terapi seni lukisan dalam sesi kaunseling, pada persepsi kaunselor-kaunselor pelatih. Penggunaan terapi seni lukisan sesuai untuk murid-murid atau klien yang pasif kerana ia dapat membantu klien menjadi lebih berani bercakap dan sesi kaunseling menjadi lebih efektif. Dapatan ini disokong oleh kajian Nur Azlinda & Salleh (2017) yang mengatakan kaunselor pelatih merasa bimbang dan tidak yakin apabila berhadapan dengan klien yang pasif, justeru penggunaan terapi seni boleh dijadikan sebagai alat dalam sesi kaunseling bagi klien yang bersikap pasif.

#### PERSEPSI KAUNSELOR PELATIH TENTANG KESAN PENGGUNAAN TERAPI SENI DALAM MEMBANTU KLIEN

Seterusnya, kajian ini melihat kepada sejauhmana penggunaan terapi seni dalam sesi kaunseling dapat membantu klien. Data menunjukkan kaunselor-kaunselor pelatih berpendapat klien-klien memberikan maklum balas yang positif dalam penggunaan terapi seni serta proses penerokaan yang dilakukan dalam terapi seni adalah lebih baik dan dapat mewujudkan penyelesaian pada diri klien. Mereka juga merasakan objektif sesi tercapai apabila menggunakan terapi seni di dalam sesi. Berikut merupakan beberapa ungkapan kaunselor-kaunselor pelatih daripada data kajian:

*“Ya lebih berkesan...lepas tu, proseslah..proses penerokaan tu saya rasa macam berjajalah...”*

[PK1/T1/B133]

*“...terapi seni ni bagi saya...sangat membantu..bagi sayalah sangat membantu dalam sesi...dan budak...klien pun akan rasa selesa...”*

[PK2/T1/B22-23]

*“saya boleh bagi skala 8 hingga 9...sangat...sebab saya more to...terapi seni sangat membantu...”*

[PK2/T1/B84]

"...terapi seni ni banyak bantu untuk murid yang introvert, salah satunya ada beberapa bahan yang saya pilih yang memang berkesanlan, objektif tercapai..."

[PK3/T2/B3-5]

Dapatan ini adalah selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh Rafidah & Noriah (2013) terhadap pelajar pintar dan berbakat, yang mendapati bahawa kaunselor-kaunselor yang terlibat dalam kajian tersebut memberikan maklum balas positif terhadap penggunaan terapi seni lukisan dalam sesi kaunseling.

### KESIMPULAN

Kajian ini telah menentukan persepsi kaunselor pelatih terhadap kelebihan penggunaan terapi seni lukisan, faktor pendorong kaunselor pelatih menggunakan terapi seni lukisan, dan persepsi kaunselor pelatih terhadap kesan penggunaan terapi seni dalam membantu klien dalam sesi kaunseling. Dapatan menunjukkan bahawa: i) kaunselor pelatih melihat terapi seni sebagai alat yang memudahkan perjalanan sesi, ii) faktor penggunaan terapi seni adalah bergantung kepada personaliti klien, dan iii) aplikasi terapi seni memberikan maklumbalas yang positif dalam sesi kaunseling. Kesimpulannya, penggunaan terapi seni lukisan dalam sesi kaunseling dapat membantu meningkatkan keberkesanan sesi kaunseling disamping memberi kesan positif terhadap klien dan juga kaunselor pelatih. Kajian ini memberikan implikasi bahawa kaunselor pelatih memerlukan pendedahan teknik-teknik dan pendekatan kaunseling yang bukan konvensional demi menyahtu cabaran masa hadapan yang memerlukan mereka mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran-kemahiran baru dalam mengendalikan sesi. Prestasi mereka sepanjang tempoh latihan adalah sangat kritikal untuk mereka memperkukuhkan kemahiran-kemahiran dan kompetensi kaunseling sebelum menjadi kaunselor profesional yang mampu memberikan kebaikan kepada klien. Oleh kerana kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif, terdapatnya limitasi dalam bilangan peserta kajian. Kajian akan datang boleh mempertimbangkan untuk menambah peserta kajian dan melihat dari konteks yang berbeza. Penambahbaikan dari aspek kaedah pengumpulan data juga boleh diberi perhatian sebagai langkah untuk mengukuhkan lagi kredibiliti data. pengkaji akan datang boleh menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis dokumen.

### RUJUKAN

- American Art Therapy Association. 2018. About Art Therapy. Diakses melalui <https://arttherapy.org/about-art-therapy/> (19 September 2019).
- Braun, V., & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, 3(2), 77-101.
- Creswell, J. W. 1994. Research design: Qualitative and quantitative approaches, sape publication, thousand Oaks, CA.
- practice: Construct and application*. Professional Psychology Research, 38, 232-240.
- Falender, C. A., & Shafranske, E. P. 2007. Competence in competency-based supervision practice: Construct and application. *Professional psychology: Research and practice*, 38(3), 232.
- Kaimal, G., Ray, K., & Muniz, J. 2016. *Reduction of Cortisol Level and Participant's Response Following Art Making*. 33 (2) : 74-80
- Issahak, M. A. 2019. Jenayah dalam kalangan pelajar masih membimbangkan. *Berita Harian*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/11/627250/jenayah-dalam-kalangan-pelajar-masih-membimbangkan>
- Ku Johari, K. S., Bruce, M. A., & Amat, M. L. 2014. *The effectiveness of child-centered play therapy training in Malaysia*. *Asian Social Science*, 10(7), 221
- Linda Jamaludin, Ku Suhaila Ku Johari, Salleh Amat, Haslinda, Norhafizatulhusna Ismail. 2018. Pendekatan terapi bermain adlerian dalam konteks pekhidmatan kaunseling kanak-kanak. *Prosiding Seminar Play Therapy 2018*, 77-84.
- Krasner, R. F. Howard, K. I., & Brown. 1998. The acquisition of psychotherapeutic skill: An empirical study. *Journal of Clinical Psychology*, 54, 895-903.
- Mad Islahi. 2017. *Kompetensi Guru Bimbingan dan Kaunseling Berpanduan Model Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia*. Tesis Master. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Merriam, S. B. 2002. *Qualitative research in practice. Examples for discussion and analysis*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia : McGraw-hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Morrow, S.L. 2005. Quality and trustworthiness in qualitative research in counselling psychology. *Journal of counselling Psychology*, 52(2): 250-260.
- Nadezhda Yu. Kostyunina & Albina R. Drozdikova-Zaripova. 2016. *Adolescent's School Anxiety Correction by Means of Mandala Art Therapy*. 11 (6) : 1105-1116
- Nur Azlinda Sidin, Salleh Amat. 2017. Kebimbangan Kaunselor Pelatih dalam Melakukan Sesi Kaunseling. *Prosiding 4th National Conference on Research and Education*. 578-581.
- Rafidah Kastawai & Noriah Mohd Ishak. 2013. Terapi seni Dalam Kanseling Pelajar Pintar dan Berbakat. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 8: 147-166.

- Rifa Hidayah. 2014. Pengaruh Terapi Seni Terhadap Konsep Diri Anak. *Makara Hubs-Asia*, 18 (2): 89-96
- Rohaila Yusof, Norasmah Othman, Faridah Karim. 2005. Strategi Pembelajaran Pengalamam Berasaskan Model Kolb Dalam Pendidikan Perakaunan. *Journal Pendidikan*. 20: 113-128.
- Rubin, J. A. 1999. *Art Therapy: An Introduction*. Philadelphia, PA: Brunner/Mazel
- Sh Marzety Adibah Al Sayed Mohamad, Baharuddin Ismail, Raba'aton Adawiah Yusof & Zakaria Mohamad. 2014. Keberkesanan Penggunaan “ Expressive Arts Therapy” Terhadap Pemulihan Klien. *Jurnal AntiDadah Malaysia*. 9 (1)
- Shiva Zarezadeh Kheibari. 2014. The Effectiveness of Expressive Group Art Therapy on Decreasing Anxiety of Orphan Children. *Practice In Clinical Psychology*. 2: 135-142.
- Siti Noorasmah Hamzah. 2016. *Keberkesanan Terapi Seni Lukisan Terhadap Remaja Mangsa Penderaan Seksual*. Tesis PhD. Universiti Malaysia Terengganu.
- Voller, M. 2018. *The Current Use of Art Therapy Assessments: A Thematic Analysis*. Drexel Universit
- Wan Robiah Hj. Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab. 2018. Kesantunan Berbahasa Kaunselor Pelatih dalam Sesi Kaunseling. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 18: 252-269.
- Wilson, B. & Diagle, J. Z. 2013. *The use of expressive art as experienced by high school trainees*. *Jurnal of Creativity in Mental Health*. 8:2-20
- Zarina Razali & Dharatun Nissa. 2018. Aplikasi Terapi Seni Dalam Kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah. *Persidangan Kebangsaan Amalan Terbaik Pembelajaran dan Pemudahcara (PdPc) dan Pertandingan Inovasi*. 756-765

Jeffery Apdal  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: jeffapdal@gmail.com

Dharatun Nissa Fuad Mohd Karim  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: nisafuad@ukm.edu.my

Salleh Amat  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Emel: sallehba@ukm.edu.my

\*Pengarang untuk surat-menyurat, emel: jeffapdal@gmail.com